

## **FUNGSI AJUNG DALAM MASYARAKAT IRANUN DAERAH KOTA BELUD, SABAH**

*(FUNCTION OF AJUNG IN IRANUN COMMUNITY IN THE DISTRICT OF KOTA BELUD, SABAH)*

### **Asmiaty Amat**

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa  
Universiti Malaysia Sabah  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

### **Mohd Asnari Taim**

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan,  
Universiti Malaysia Sabah  
88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

**Email:** asmiaty@ums.edu.my  
: westnari94@gmail.com

*(Dihantar: 12 Februari 2020; Diterima: 3 April 2020)*

### **Abstrak**

Sabah negeri yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan khazanah warisan budaya etnik. Salah satu etnik yang kaya dengan warisan budaya ialah Iranun. Masyarakat Iranun adalah masyarakat minoriti yang hampir sama dengan etnik Bajau. Etnik Iranun kebanyakan menetap di Kota Belud dan juga di Lahad Datu, selain di Kota Kinabalu, Kajian ini memberi tumpuan kepada kanzanah warisan Iranun yang dikenali sebagai *Ajung* yang terdapat dalam masyarakat Iranun. *Ajung* merupakan sebuah replika rumah yang dihiasi dengan pelbagai jenis kain berwarna. Kerja lapangan dan pemerhatian serta temu bual dilakukan di beberapa buah kampung, di Kota Belud iaitu kampung Merabau, kampung Nanamun dan kampung Rampayan Laut. Kajian ini menjelaskan kefungsiian *Ajung* terhadap budaya kehidupan masyarakat Iranun. Dapatan menunjukkan bahawa *ajung* bukan sekadar sebuah replika rumah yang dihiasi dengan pelbagai jenis hiasan dan warna, tetapi *ajung* mempunyai fungsi yang penting dalam kehidupan masyarakat Iranun selain sebagai citra identiti etnik masyarakat tersebut.

**Kata kunci:** Iranun, Warisan, Budaya, *Ajung*

### **Abstract**

Sabah is a state rich in ethnic diversity and cultural heritage. One of the ethnic groups rich in cultural heritage is the Iranun. The Iranuns are a minority community that is very similar to the Bajau ethnic group. Most Iranuns live in Kota Belud and Lahad Datu, as well as scattered around Kota Kinabalu. This study focuses on the relics of Iranun heritage known as *ajung*, which is a replica of a house decorated with various types of colored fabrics. Fieldwork, observations and interviews were conducted in Merabau village, Nanamun village and Rampayan Laut village in Kota Belud district. This study explains the function of *ajung* in the cultural life of the Iranun people. Findings show that the *ajung* is not just a replica of a house decorated with various types of decorations and colors, but the *ajung* has an important function in the life of the Iranun community, aside from being a reflection of their ethnic identity.

**Keywords:** Iranun, Heritage, Culture, Ajung

### **1.0 Pengenalan**

Iranun bermaksud berkasih-kasih, iaitu akar kata *ranun*, iaitu kasih sayang dan ditambah vokal (i), lalu membentuk kata Iranun bererti dikasihi (Datu Bandira Datu Alang, 1992: 6). Dengan kata lain, Iranun merujuk kepada nilai kasih sayang yang mengikat tali kekitaan, memanjangkan semangat persaudaraan menerusi perlakuan bekerjasama, bertolongan, saling membantu dan menjunjung prinsip gotong-royong. Pembenihan rasa kasih dan sayang sesama mereka diimarahkan dengan mempamerkan ikatan tali persaudaraan biarpun tanpa ada ikata darah, menerusi kata-kata keramat pegangan mereka iaitu *semangat satu bangsa, kita bangsa Iranun* (Lokman Samad & Asmiaty Amat, 2012).

Masyarakat Iranun mempunyai budaya tradisi yang amat unik. Keunikan budaya masyarakat ini jelas terpancar melalui tarian, tenunan, ragam hias dan kraf tangan lain. Ketrampilan budaya tradisi ini memperkaya khazanah warisan seni masyarakat Iranun yang tinggi nilainya. Sehingga kini, sebahagian khazanah warisan budaya tradisi ini masih lagi diguna dan menjadi amalan dalam kehidupan seharian. Oleh itu, bagi mengelakkan salah satu warisan budaya tradisi ini pupus, makanya langkah pendokumentasian perlu dilakukan. Selain itu, membuat penelitian terhadap kefungasian *ajung* dalam budaya kehidupan masyarakat Iranun.

## **2.0 Sorotan Literatur**

Kajian terawal tentang orang Iranun telah dilakukan oleh Datu Bandira bin Datu' Alang (2004) dalam tulisannya tentang sejarah kedatangan Iranun dan penempatan mereka di Sabah. Cerita lisan penghijrahan etnik minoriti ini disesuaikan dengan pengaruh agama Islam di Filipina apabila berlaku tiga gelombang penghijrahan orang-orang Melayu ke kepulauan Filipina, mereka berkulit perang dan merupakan antara pelaut yang mahir dan handal telah menyeberangi laut dengan menggunakan perahu layar yang dikenali sebagai *barangay* sekitar abad ke 14 dan 16 Masihi. Kajian berkenaan masyarakat tersebut dan pemilikan budaya benda turut dilakukan oleh Lokman Abd Samad & Asmiaty Amat (2012). Selain budaya benda yang menjurus kepada perhiasan persandingan masyarakat Iranun, kehebatan kraftangan terutama dalam membuat tenunan kain dasar merupakan kepandaian wanita Iranun yang tiada taranya malah kepandaian itu juga dikatakan telah menyebabkan orang Bajau

dan Dusun mempelajarinya dan menghasilkan sigah masing-masing. Kecekapan dan keunikan masyarakat Iranun dalam menghasilkan kraftangan dikatakan bukanlah satu perkara yang mudah malahan memerlukan waktu selama sebulan kerana kain yang digunakan perlu ditenun terlebih dahulu (Asmiaty & Lokman, 2012). Kajian mereka juga serba sedikit menjelaskan kemahiran wanita Iranun dalam membuat tenunan dan juga mempamerkan pakaian serta aksesori tradisi yang diguna pakai oleh masyarakat Iranun.

Humin Jusilin (2014 & 2017) dalam kajian tentang reka bentuk *pasandalan* dan *pamanaie*, iaitu bendera kecil dan besar dalam masyarakat Iranun. *Pasandalan* dan *pamanaie* menggambarkan status sosial hierarki dalam masyarakat Iranun di Kota Belud, Sabah. Objek budaya yang dipakai ketika upacara perkahwinan tersebut yang memiliki motif, warna dan corak yang dipaparkan menghubungkan kehidupan dan alam persekitaran Iranun. Motif flora yang digunakan dalam *pasandalan* ketika proses perkahwinan lebih sinonim kepada wanita, manakala bagi motif fauna pula ditujukan kepada golongan lelaki. Reka bentuk yang terdiri daripada ikon bulan, bintang, matahari, alam tumbuhan, ungkup (kuda) dan senjata ialah ikon status golongan syarif dan datu. Pemilihan warna bendera ketika upacara perkahwinan turut menggambarkan status sosial syarif (kuning), datu (hijau). Jika perkahwinan campur, warna yang berlainan akan dipasang secara bersebelahan.

Khazanah budaya tradisi yang diwarisi secara turun temurun daripada nenek moyang telah menyumbang dan mengekalkan tradisi masyarakat Iranun di Sabah. Gambaran hidup mereka yang berpaksikan kepercayaan dan sistem

adat secara tidak langsung telah mewujudkan hubungan yang erat antara mereka dengan kosmologinya. Komitmen masyarakatnya dengan aktiviti harian menjadi satu kekuatan dalam pembentukan sistem adat mereka. Paparan motif dan ragam hias dalam objek budaya masyarakat Iranun merupakan unsur yang memberi gambaran terhadap jati diri serta nilai pemikiran yang tinggi. Pematuhan terhadap sistem adat yang diwarisi sejak turun temurun juga telah menyumbang kepada penghasilan objek budaya sehingga kini (Ismail Ibrahim & Humin Jusilin, 2018).

Kajian Sharifuddin Zainal (2018), berkaitan melabuh *ajung* menunjukkan bahawa amalan melabuh ajung bertujuan untuk memberikan jamuan kepada semangat. Amalan ini dilakukan sebagai satu penghormatan pengamal ritual kepada semangat metafizik yang hadir yang dikatakan dapat membantu menyelesaikan masalah individu atau masyarakat. Perbuatan melabuh *ajung* ini dilakukan bagi menjaga perhubungan antara dua alam. iaitu alam nyata yang didiami oleh manusia dan alam metafizik yang menjadi tempat tinggal semangat, saka, pendamping, bunian dan roh nenek moyang yang dikatakan mampu memberi pertolongan kepada masyarakat pengamal. Sungguhpun ia jelas memperlihatkan unsur syirik namun amalan tersebut masih dilaksanakan oleh pengamal.

### **3.0 Kaedah dan Teori Kajian**

Kajian lapangan ini ini dijalankan di kampung Rampayan Laut, Kota Belud dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian secara langsung. Penulis bertemu dengan responden yang mahir dengan penciptaan *ajung*.

Sewaktu bertemu responden, beberapa soalan diutarakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih lengkap terhadap kajian yang dijalankan. Pada awalnya, kajian ini tidaklah begitu rumit kerana *ajung* ini memang sedia ada pada responden. Dengan itu, mudah untuk penulis meneruskan kajian yang dibuat. Data yang diperolehi telah ditulis dan dirakam sebagai bukti pendokumentasian.

Perkataan fenomenologi berasal daripada bahasa Yunani, 'phainomenon', iaitu sesuatu yang nampak (Hasan Bakti Nasution, 2001). Aspek ini menunjukkan bahawa perlakuan atau gejala yang dialami oleh manusia begitu erat dengan persekitaran dan pengalaman. Melalui pendekatan fenomenologi, penemuan unsur 'Lebenswelt' atau dunia kehidupan yang mempengaruhi tingkah laku dan peristiwa yang berlaku di sekeliling. Selain itu, pendekatan fenomenologi merupakan kajian falsafah mengenai manusia dan fenomena. Fenomena atau gejala membawakan cara pandang terhadap perlakuan dan pengalaman berdasarkan Lebenswelt atau dunia kehidupan yang dilalui oleh manusia. Dalam konteks tersebut, terdapat pengalaman atau peristiwa manusia yang dialami terjadi dalam lingkungan kesedaran. Setiap daripada pengalaman dan peristiwa mempengaruhi tingkah laku manusia untuk mentafsir, meneliti dan menilai aliran kehidupan dengan segala fenomena. Kepelbagaian dimensi mengenai fenomenologi telah melahirkan tokoh-tokoh yang mempunyai pemikiran dan pengaruh tersendiri seperti Max Scheler, Martin Heidegger dan Jean Paul Sartre.

Faktor tersebut mewujudkan tingkah laku manusia terhadap sesuatu perkara. Dermot dlm. Sebastian & Søren (2012) mentafsirkan fenomenologi seperti berikut, "*Phenomenology is here understood as an a priori science of*

*essence, where the a priori is understood in terms of essence...*". Dermot memberikan pandangan bahawa fenomenologi sebagai inti pati ilmu sains yang tulen untuk memahami sesuatu. Antara lain, Karl dlm. Sebastian & Søren (2012: 667) menyatakan fenomenologi sebagai, "Phenomenology in this sense is the pre-reflection (Vorbereitung) and pre-science (Vorwissenschaft) that originally led to true knowledge and to philosophy." Sedangkan Husserl melihat fenomenologi sebagai, '*eidetic science of "pure" consciousness studied in "immanence"...*' (Dermot dlm. Sebastian & Søren (2012: 30). Berdasarkan definisi yang diberikan oleh ahli sarjana, pendekatan fenomenologi menjelaskan kefahaman terhadap pengalaman manusia dan kesedaran. Kesedaran tersebut membolehkan manusia terpengaruh dengan unsur di persekitaran yang berlaku di sekeliling.

Sehubungan itu, Zainal Abidin (2000) merumuskan fenomenologi berperanan menghubungkan penjelasan ilmu kepada para pengkaji berkenaan kekuatan konsep atau teori ilmu pengetahuan apabila penekanan terhadap 'Lebenswelt' atau dunia kehidupan yang dilalui oleh individu atau masyarakat menangani penyelesaian terhadap peristiwa yang berlaku. Oleh itu, pendekatan 'Lebenswelt' menyorot pelbagai peristiwa yang dialami oleh manusia dalam lingkungan kesedaran berasaskan situasi yang sedang berlaku.

Husserl telah mengemukakan fenomenologi menjurus berkenaan gagasan mengenai manusia dan pada masa sama membawa manusia kembali kepada realiti terutamanya prasangka manusia terhadap tradisi, kepercayaan, hukum dan sebagainya. Dengan demikian, fenomenologi memberi penekanan dan perhatian sisi kehidupan manusia mentafsirkan pengalaman sama ada secara

realiti atau fantasi. Setiap pengalaman dan tingkah laku mencetuskan fenomena sehingga mewujudkan interaksi dan respons yang memerlukan penyelesaian. Sehubungan itu, fenomena yang berlaku dan mencetuskan bentuk budaya menerusi plot cerita dianalisis bagi menjawab objektif kajian kedua. Fenomenologi merupakan satu pendekatan yang membongkar fenomena yang berlaku di persekitaran manusia sama ada melibatkan individu atau masyarakat Rakaman peristiwa dan pengalaman menarik perhatian disebabkan fenomena yang berlaku dalam masyarakat seperti perubahan tradisional yang menggunakan kearifan dukun, bomoh, bobolian dan bobohizan merupakan fenomena masyarakat yang memperlihatkan pengisian elemen kearifan lokal yang mengandungi kekayaan budaya masyarakat peribumi menampilkan pengaruh budaya dalam kehidupan. Demikian juga dengan penghasilan alatan budaya yang membantu dalam setiap upacara yang dilaksanakan masyarakat dalam aktiviti harian mereka.

#### **4.0 Latar Belakang Masyarakat Iranun**

Etnik Iranun turut dikenali dengan nama Iranon, Irranun, Illanun, Ilanun, Iranon-Meranao atau Meranao yang berasal dari Teluk Iranun di bahagian selatan Filipina (Headly, 1951: 152-162; Datu Pandira Datu Alang, 1992: 1). Namun begitu, sesetengah pengkaji berpendapat etnik Iranun berhijrah ke Sabah untuk menyelamatkan diri daripada pemerintahan Sepanyol yang telah menguasai selatan Filipina. Oleh sebab itu, mereka telah membuka penempatan di sekitar Tempasuk dan Tuaran dari Teluk Illana dan Tasik Lanao di daerah Mindanao. Kebanyakan mereka turut mendiami kawasan Usuka,



tempasuk, Rampaian Laut, Nanamun, Tapukan, Kayu Putih, Pintasan, Tamau, Lilud, Merabau, Rudang, Kota Peladok, Peladok, Payas-Payas, Pantai Emas, kawa-Kawa, Liang, Tandu', watu, Bira-bira'an, Kotabangun, tawadakan, Kaguran, Kawang-Kawang, Penampang, Pandasan, dan Rampaian Ulu di Kota Belud. Masyarakat Iranun turut mendiami kawasan persekitaran kudat dan pesisir pantai perairan Sabah. Kebanyakan kumpulan etnik ini tinggal di Kampung Indarason Kudat, Kampung Nala, Bakolod, Barigas di Tungku, Lahad Datu. Sebahagian mereka menjadikan kawasan Likas dan Kampung Warisan Inanam, Kota Kinabalu sebagai penempatan mereka (Abd. Naddin Shaidin, 2014: 124; Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad, 2019: 166).

Berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2010, catatan menunjukkan jumlah etnik Iranun di Sabah seramai 1,000,000-1,1500,000 orang (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010: 137-140). Etnik ini mendiami kawasan pesisir pantai, maka tidak hairanlah mereka dianggap sebagai pelaut yang cekap. Mereka turut menjalankan kegiatan ekonomi seperti nelayan, petani, mengusahakan tanaman padi, dan peniaga kecil-kecilan. Golongan muda pula kebanyakannya bekerja sendiri dan berkhidmat sebagai kakitangan awam dan swasta (Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad, 2019: 1660). Masyarakat Iranun mempunyai susun lapis berstrata yang terbahagi kepada kelas-kelas tertentu. Terdapat dua kategori keturunan bangsawan Iranun, iaitu yang berketurunan *Datu'* dan *Sharif*. Golongan *Datu'* dikatakan golongan aritokrat yang berasal daripada pemerintah sedangkan golongan keturunan *Sharif* lazimnya disebut sebagai Sayid/ Syeikh ialah golongan wanita keturunan *Datu'* yang telah berkahwin dengan pendakwah Islam (Jacqueline Pugh-Kitingan & Pandikar Amin Mulia, Boutin, Regis & Pugh-Kitingan).

Golongan berketurunan *Syarif* ini ialah golongan yang dihormati kerana ia berkaitan dengan ketinggian martabat golongan ini dalam agama Islam. Golongan berketurunan *Datu'* pula dianggap sebagai orang besar atau pemimpin yang dihormati kerana mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat. Sebelum datangnya Islam, kuasa pentadbiran tertinggi diletakkan bawah kekuasaan *Datu'*. Pada masa dahulu terdapat dalam masyarakat Iranun ini, golongan orang biasa digelar sebagai *kiadakalan*. Seterusnya, ada juga golongan lain digelar sebagai *oripen* yang merujuk kepada golongan hamba. Di bawah *oripen* ini terdapat golongan hamba abdi yang digelar sebagai *baniaga*.

Oleh yang demikian, disebabkan susun lapis sosial ini, terdapat amalan budaya terutama kematian yang berkait rapat dengan stratifikasi sosial mereka. Warna dijadikan sebagai simbol yang menentukan status mereka. Warna kuning dikhususkan kepada keturunan *syarif*, warna hijau khusus untuk golongan *datu'* manakala untuk orang biasa *oripen* dan *baniaga* mengenakan warna putih. Justeru itu, kalau dilihat pada *ajung* terdapat pelbagai jenis warna yang digabungkan. Kesemua warna yang digabungkan itu melambangkan kepada makna golongan-golongan yang terdapat dalam masyarakat Iranun. Ini bermaksud warna yang dikenakan untuk menghiasi *ajung* tersebut bukanlah warna sembarangan yang melihat kepada kecantikan sahaja.

Masyarakat Iranun sangat menitikberatkan penggunaan warna dalam upacara atau apa jua perkara yang mereka lakukan. Contohnya dalam majlis perkahwinan, atau kematian, penetapan warna sangat penting bagi menunjukkan status sosial masyarakat Iranun (Asmiaty Amat & Lokman Abdul

Samad, 2019: 168). Warna hijau dan kuning dalam masyarakat Iranun melambangkan kesuburan dan kesejahteraan bagi status golongan syarif dan datu. Warna merah melambangkan semangat keberanian dan keperwiraan. Warna ungu melambangkan perpaduan, manakala warna biru pula melambangkan bersih dan suci. Begitu juga dengan warna hitam ialah lambang kesatuan dalam masyarakat Iranun. Asimilasi budaya yang berlaku menyebabkan warna-warna tersebut telah bercampur aduk, dan status sosial pada masa kini tidak lagi dipentingkan. Demikian halnya dengan aspek penggunaan keranda, tungkul dan payung orang mati dalam upacara kematian turut memiliki kod-kod tertentu yang menentukan sama ada golongan syarif, datu dan golongan orang biasa. Namun begitu, bagi masyarakat Iranun kod dan warna tersebut masih diguna pakai bagi menjaga status sosial dan mengelakkan denda adat yang dikenakan terhadap mereka yang melanggar adat (Humin Jusilin, 2017).

### **5.0 Ajung dalam Etnik Iranun**

Ajung merupakan sebuah replika rumah yang diperbuat daripada batang pisang dan bambu. Ajung ini dihiasi dengan pelbagai jenis aksesori yang berwarna warni. Bentuk ajung seperti rumah mini. Ajung ini mempunyai lantai, tiang, dinding dan bumbung. Disebabkan itu ajung ini dikatakan sebuah replika rumah. Agak menarik kerana warna yang digunakan untuk membina ajung adalah pelbagai warna yang meliputi seluruh warna yang mewakili strata keturunan dalam masyarakat Iranun tersebut. Ajung yang dihasilkan tidak menggunakan warna yang spesifik sebagai lambang kepunyaan daripada

golongan Datu, atau orang biasa. Hal ini menunjukkan bahawa ajung merupakan milik dan gambaran bersama dan seluruh masyarakat Iranun.



Foto 1: Ajung

### **5.1 Fungsi *Ajung* Terhadap Budaya Kehidupan Masyarakat Iranun**

*Ajung* bukan sekadar sebuah replika rumah yang dihasilkan tanpa sebab. Ia mempunyai kefungsiian tertentu dalam kehidupan masyarakat Iranun.

Kefungsian *ajung* yang utama terbahagi kepada tiga (3) iaitu, (1) digunakan dalam amalan perubatan parinang, (2) sebagai alat props dalam tarian sumaranun dan (3) menjadi permainan tradisional sepak manggis.

**i) Amalan perubatan tradisional Parinang**

Masyarakat Iranun bukan sahaja kaya dengan budaya tradisi tetapi juga terkenal dengan kepelbagaian ilmu perubatan tradisional seperti Parinang. Parinang merupakan sebuah perubatan ritual yang melibatkan dua alam, iaitu alam nyata dan alam metafizik. Perkataan parinang ini sahaja membawa maksud memanggil makhluk halus atau hantu. Disebabkan itu, dalam masyarakat Iranun itu sendiri, mereka tidak berani untuk mempermainkan perubatan ini kerana melibatkan makhluk halus. Perubatan parinang ini diketuai oleh seorang bomoh yang dikenali sebagai *panai*. Terdapat beberapa peringkat ritual ini dijalankan. Peringkat pertama, panai akan membacakan mantera untuk memanggil semua makhluk halus yang terlibat dalam ritual ini. Setelah itu, panai akan bertanyakan kepada makhluk halus tersebut akan penyakit yang dihidapi oleh si pesakit. Pada waktu yang sama, panai akan menggoleskan telur di atas badan pesakit bermula dari kepala sehingga hujung jari kaki. Sekiranya isi telur tersebut bertukar warna menjadi hitam, maknanya pesakit tersebut samada terkenan gangguan jin jahat atau ilmu sihir orang jahat. Peringkat kedua, panai akan melakukan bpangalai sekiranya perlu. Bpangalai merupakan sebuah gerakan perubatan yang menunjukkan panai mengelilingi pesakit dengan menggunakan mayang pinang. Rentak bpangalai bermula secara perlahan dan kemudian bertukari laju. Bpangalai ini diiringi dengan

alunan muzik, iaitu *debak*, *agung* dan *bebendir*. Menurut kepercayaan orang Iranun yang melakukan bpangalai, makhluk halus akan diseru oleh panai tadi.

Menurut informan, badan panai hanya dipinjam dan digunakan oleh makhluk tersebut untuk melakukan bpangalai. Pada peringkat ketiga, aktiviti menghayutkan ajung dikenali sebagai *paganud sa ajung* dilakukan. Dalam peringkat ini, *ajung* akan diisi dengan pelbagai jenis makanan yang bertujuan untuk santapan makhluk halus tersebut. Makanan yang disediakan adalah seperti ayam, nasi pulut kuning, kelapa dan sebagainya. Semua jenis santapan ini tertakluk pada permintaan makhluk halus itu. Amalan ini dilakukan sebagai satu penghormatan pengamal ritual kepada semangat metafizik yang hadir dalam membantu menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Amalan ini juga dilakukan bagi menjaga perhubungan antara dua alam, iaitu alam nyata yang didiami oleh manusia dan alam metafizik yang menjadi tempat tinggal semangat, saka, pendamping, bunian atau roh. Biasanya, amalan *paganud sa ajung* ini dilakukan pada waktu petang kerana menurut kepercayaan masyarakat Iranun, pada waktu matahari terbenam, *ajung* sesuai dihanyutkan agar segala penyakit ikut terbenam. Paganud ajung tidak baik dilakukan pada waktu pagi ketika matahari terbenam kerana ditakutkan penyakit akan datang semula.

## ii) **Sebagai props dalam tarian Sumaranun**

Tarian Sumaranun merupakan salah satu tarian tradisi masyarakat Iranun. Sungguhpun terdapat beberapa lagi tarian tradisi Iranun ini, namun hanya tarian sumaranun yang menggunakan *ajung* sebagai props dalam tarian. Hal ini berbalik pada pensejarahan terciptanya tarian sumaranun. Tarian ini

dikatakan merupakan hasil adaptasi daripada ritual perubatan masyarakat Iranun, iaitu parinang. Menurut Rahmawati (60 tahun), akibat daripada larangan terhadap amalan perubatan parinang yang sudah tidak diamalkan semenjak masyarakat Iranun berpegang pada ajaran Islam, maka ritual tersebut diangkat menjadi sebuah persembahan pentas. Tarian ini dihasilkan sesuai dengan kehendak persembahan yang mempunyai artistik dan nilai estetika dalam persembahan. Disebabkan ritual parinang menggunakan *ajung* sebagai props untuk menghanyutkan hidangan yang diminta oleh makhluk halus, maka dalam tarian sumaranun ini *ajung* dijadikan sebagai simbol atau lambang wujud penggunaan *ajung*. Dalam persembahan tarian sumaranun, props *ajung* digunakan sebagai pembuka tirai untuk memulakan tarian. Props ini akan diletakkan di bahagian hadapan pentas, kemudian penari akan memulakan tarian. Perbuatan meletakkan *ajung* di hadapan penari menunjukkan simbol kepada perbuatan *paganud sa ajung* dalam ritual parinang.



Foto 2 : Persembahan tarian Sumaranun sewaktu Pesta Tamu Besar

### iii) Permainan tradisi *sepak manggis*

Sewaktu majlis keramaian terutama pada majlis perkahwinan, terdapat satu permainan tradisi yang sangat popular dalam kalangan masyarakat Iranun yang dikenali sebagai permainan sepak manggis. Permainan ini adalah sebahagian daripada acara yang mampu memeriahkan lagi acara majlis. Biasanya permainan ini hanya disertai oleh golongan lelaki. *Ajung* akan dihiasi dengan bendera pelbagai warna dan ada kalanya diletakkan duit dan diisi dengan makanan. *Ajung* tersebut kemudian digantung di tempat yang tinggi. Peserta yang menyertai permainan tersebut akan menyepak bola takraw agar terkena *ajung* yang digantung. Bagi memudahkan pemain, *ajung* akan diletakkan dengan untaian kain berwarna membentuk ekor yang disediakan bagi memudahkan bola terkena bahagian ekor *ajung* tersebut. Permainan ini



bukanlah satu permainan yang mudah kerana ia memerlukan fokus dan kemahiran yang tinggi. Bagi pemain yang mampu mengenakan *ajung* tersebut, maka *ajung* dan isinya semua menjadi milik pemain tersebut.



Foto 3 : Tetamu VIP mencuba permainan sepak manggis



Foto 4: Suasana permainan sepak manggis sewaktu perkahwinan

## 6.0 Kesimpulan

*Ajung* sebagai salah satu khazanah warisan dalam masyarakat Iranun memberi pemaknaan yang cukup mendalam terhadap pembudayaan Iranun seperti perubatan tradisi, tarian tradisi dan permainan tradisi. *Ajung* bukan sekadar sebuah replika rumah yang tidak mempunyai makna dalam masyarakat Iranun. Sebaliknya, *ajung* mempunyai perkaitan dan fungsi yang cukup mendalam terhadap budaya kehidupan etnik Iranun. Justeru itu, adalah baik maklumat ini didokumentasikan bukan sahaja menjadi rujukan malah mampu membantu melihat bahawa *ajung* ini terletak dalam satu dimensi budaya Iranun yang sangat kuat.

## Rujukan

- Abd. Naddin Shaiddin. (2014). Adat resam dan pantang-larang suku kaum Iranun. *Adat resam dan pantang-larang suku kaum di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2014). A Riddles' Structure of Iranun in Sabah *Proceeding of INTCESS14 - International Conference on Education and Social Science* 3-5 February 2014 - Istanbul, Turkey.
- Asmiaty Amat & Lokman Abdul Samad. (2019). Pelamin Masyarakat Iranun di daerah Kota Belud. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 12(2), 164-180. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Buku tahunan perangkaan Sabah*. (2014, 2015). Edisi 2010, Kuala Lumpur: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Datu Bandira Datu Alang. (1992). *Iranun: Sejarah dan Adat Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmiaty Amat & Mohd Asnari Taim, "Fungsi Ajung Dalam Masyarakat Iranun Daerah Kota Belud, Sabah" JMS Vol. 3 Issue 1 (2020):79 – 99

Hasan Bakti Nasution. (2001). *Filsafat Umum*. Jakarta: Gaya Media Pratama.

Headly, D. (1951). Some Illanun and Bajau marriage customs in Kota Belud District. North Borneo. *Journal of Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, 14(3). October.

Humin Jusilin. (2014). Reka bentuk *pasandalan* dan pamnaie sebagai lambang adat perkahwinan masyarakat Iranun. *Jurnal Gendang Alam*, 4, 78.

Humin Jusilin. (2017). Warna dalam upacara adat masyarakat Iranun di Sabah. Saidatul Nornis Hj Mahali (ed.). *Pumpunan budaya peribumi di Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Univerisiti Malaysia Sabah.

Humin Jusilin & Ismali Ibrahim. 2018. *Warisan Iranun: Corak dan Ragam Hias, Objek dan Budaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

James U.H. Chin & Karla J. Smith. (2011). *The Iranun of Sabah: Language and Culture* of an Endangered Minority in Sabah. Selangor. Subang Jaya.

Lokman Abdul Samad & Asmiaty Amat. (2012). Iranun. Dlm. Kntayya Mariappan & Paul Porodong (ed). *Murut dan Pelbagai Etnik Kecil Lain di Sabah*, 303-317. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.

Pugh-Kitingan, Jacqueline. (2004). *Selected Papers on Music in Sabah*. Kota Kinabalu. Kadazandusun Chair. Universiti Malaysia Sabah.

Sebastian & Søren. (2012). *The Routledge Companion to Phenomenology*. Routledge: New York.

Zainal Abidin. (2000). *Filsafat Manusia; Memahami Manusia Melalui Filsafat*. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

### **Temu bual**

1. Amas Tampawan binti Datu Hj. Ariffin, 59, kampung Rampayan Laut.
2. Amas Gunawan binti Datu Hj. Ariffin, 66, kampung Rampayan Laut.
3. Landungan Hj Sulaiman, 68, kampung Rampayan Laut.
4. Murni binti Ali, 50, kampung Rampayan Laut.
5. OKK. Hj Masrin bin Hj Asin, 65, kampung Rampayan Laut.
6. Pandian Hj Sulaiman, 69, kampung Rampayan Laut.